KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	13.07.22	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	PERHILITAN			

PAK BELANG DIREMPUH

Pasukan renjer dikerah ke lokasi



SEDUTAN video menunjukkan harimau belang yang didakwa dilanggar.

Machang: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan mengerahkan pasukannya mengesan harimau belang dirempuh kenderaan ketika melintas jalan di Tok Bok-Selising, pada 7 Julai lalu.

Pengarahnya Mohamad Hafid Rohani berkata, operasi bersepadu terus digerakkan Perhilitan Kelantan sebaik menerima aduan berkenaan dan pasukan renjer dikerahkan ke lokasi kejadian untuk mengesan haiwan itu.

Katanya, pihaknya belum dapat menentukan sama ada harimau belang itu betina atau jantan dan siasatan sedang dijalankan.

"Kami percaya harimau belang ini berkeliaran di situ sejak sekian lama.

"Setakat ini Jabatan Perhilitan belum pernah menerima aduan mengenai kehadiran haiwan itu di jajahan berkenaan namun pihak kami mengambil kira kepentingan semua pihak termasuk pengguna kenderaan yang melalui kawasan itu," katanya di sini, semalam.

Terdahulu, tular di media sosial video berdurasi 17 saat apabila seorang pemandu terlanggar harimau belang yang melintas secara mengejut di Jalan Tok Bok-Selising, Machang.

Kejadian jam 11.24 malam dirakam kamera hadapan kenderaan tersebut.

Harimau belang itu kemudiannya melarikan diri ke semak berhampiran selepas dilanggar.